

MAJALAH GOLF
BAHASA MELAYU PERTAMA

Golf

Buaya

www.GOLFBUAYA.com.my

ISSN 1985-6091



9 871985 609101

021/024/11/2010/025826

MAR 2010

RM5.90

SGD5.90

THB58.00

BND5.90

IDR19800

LPGA DI MALAYSIA

+ TIGER : Saya akan Lebih Hormat Orang dan Golf

+ Kelainan Golf Korporat Ethihad Airways



Keliling Dunia dengan Golf Etihad Airways

Hanya dengan bayaran masuk RM1,200 dua pemain golf amatir korporat berpeluang bermain di lapangan-lapangan terohor di dunia seperti the Belfry, Pebble Beach, Royal Melbourne dan Phoenix Club di Jepun serta terakhir di St Andrews Old Course di Scotland.

Susah hendak percaya kan?

Ini betul, sebab selama ini bila menyertai kejohanan-kejohanan golf korporat para pemain terpaksa berhempas pulas dalam panas terik atau basah kuyup disimbah hujan atau berhenti langsung bila petir membelah bumi.

Ini semua ada dalam kejohanan anjuran Etihad Airways di mana pertandingan akan dijalankan selama enam bulan menggunakan simulator di City Golf, Bangsar. Di sini pemain boleh merasai kehebatan beraksi di lapangan-lapangan termasyhur itu.

Hadiah-hadiah menarik di akhir kejohanan itu ialah Etihad menyediakan empat tiket ke mana-mana destinasi di Eropah.

Kejohanan tersebut memerlukan 48 pasukan (dua orang setiap pasukan) dan akan dijalankan setiap bulan dari 21 Mac hingga Ogos dan ia dipertandingkan secara pukulan bergilir seperti Piala Ryder dan berlangsung selama dua jam meliputi sembilan lubang.

"Tidak ada lagi acara kejohanan

golf seperti ini di Malaysia," kata pengurus Etihad Airways Malaysia, Adam Phillips.

Empat catatan nett terbaik bagi sesuatu pasukan itu selama enam bulan akan menentukan johan liga tersebut.

City Golf akan menguruskan handikap tiap pasukan, iaitu dipotong setiap kali sesuatu pasukan membuat prestasi baik di setiap bulan.

Menurut pengarah urusan City Golf, Tom Sarginson, inilah peluang sesebuah syarikat mempamerkan mutu permainan golf mereka dengan syarikat-syarikat bersekutu, syarikat pelanggan, syarikat-syarikat pembekal ataupun syarikat pesaing.

Dua pasukan akan dipilih tiap bulan untuk memasuki pusingan akhir dan 10 pemenang bulanan akan beradu

kemahiran di peringkat akhir.

Di akhir pertandingan Etihad akan menghadihkan dua tiket ke Eropah dan dua tiket lagi untuk pemenang NTP untuk derma amal.

Bayaran masuk RM1,200 satu pasukan termasuk bayaran permainan, minuman, baju dan topi. Para peserta juga akan mendapat potongan harga dengan Etihad Airways. Thistle Port Dickson, kedai MST Golf dan TNT.

Mereka yang mendaftar sebelum 5 Mac hanya membayar RM900.

Turut menaja liga tersebut ialah Thistle Port Dickson, MST Golf dan TNT Malaysia.

Untuk butir-butir lanjut, hubungi Tom Sarginson di HYPERLINK "mailto:tom@citygolf.com.my" telefon 03-22820011

